

HUBUNGAN ANTARA AMALAN AGAMA ISLAM DENGAN
GAYA KEPIMPINAN JURUTERA MUSLIM
DI NEGERI MELAKA

MUHD AKMAL NOOR @ BUANG BIN RAJIKON

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2015

PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

8 Mei 2015

MUHD AKMAL NOOR @ BUANG BIN RAJIKON
P69572

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan sempurna.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada yang berbahagia Prof. Madya Dr. Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit, selaku penyelia utama penyelidikan yang tidak jemu, gigih dan sabar dalam memberikan dorongan dan tunjuk ajar sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Dr. A'dawiyah binti Ismail dan Prof. Dr. Badlihisam Mohd. Nasir selaku penyelia bersama yang turut memberi motivasi dan dorongan ke arah menyiapkan tesis ini. Segala pengorbanan masa dan tenaga mereka amat dihargai semoga kekal abadi sebagai kenangan di dunia dan akhirat.

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua pensyarah Fakulti Pengajian Islam (FPI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) khususnya para pensyarah di Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan atas tunjuk ajar selama saya berada di UKM.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Puan Nik Kamaliah Nik Abdul Rahman selaku pegawai di *Communication & IT Department, Board of Engineers Malaysia* (BEM) atas kerjasama baik dalam menyalurkan maklumat rasmi statistik terkini setakat tahun 2013 populasi jurutera Muslim di negeri Melaka. Seterusnya kepada seluruh warga jurutera Muslim di negeri Melaka khususnya yang telah sudi memberikan maklum balas yang baik dalam menjawab soal selidik yang diberikan.

Rakan pembimbing yang berjasa Prof. Madya Rosli bin Saadan dan saudara Rahmat Aziz yang telah memberi tunjuk ajar berguna khususnya tentang tatacara penggunaan SPSS dan cara menganalisis data SPSS semoga kalian diberikan kesejahteraan yang abadi di dunia dan akhirat. Turut diingati sahabat perjuangan se-PhD saudara Khazri bin Osman dan Ustaz Hamdan yang banyak memberi tunjuk ajar.

Tidak lupa juga dirakamkan setulus kasih dan jutaan terima kasih kepada isteriku Nur Wahidah binti Ahmad yang sentiasa memahami kesibukan dan kepayahan dalam menyiapkan tesis ini. Begitu juga dengan ibu mentua, Pn. Hj. Hawa binti Mohd Yusof yang prihatin dan sentiasa menyediakan hidangan masakan semasa saya sedang menulis tesis. Tidak dilupakan anak-anak yang dikasihi Muhammad Aizul Luqman, Muhammad Amirul Hakim, Nurul Iman Annajiha, Muhammad Amar Harith dan Muhammad Akhtar Hadi yang amat memahami atas segala kesusahan dan kepayahan ayahanda dalam menyiapkan tesis ini.

Ribuan terima kasih kepada semua yang memberi perangsang, tunjuk ajar, kerjasama dan bantuan yang diberikan, semoga Allah SWT sahaja yang akan membalas jasa baik kalian dan memberkati usaha yang dilakukan. Wassalam.

ABSTRAK

Amalan agama Islam dalam kalangan jurutera Muslim sangat penting dewasa ini kerana mampu memberi impak terhadap gaya kepimpinannya. Aplikasi gaya kepimpinan yang baik pula dapat memberi sumbangan besar terhadap kerajaan dan pembangunan infrastruktur negara. Kajian ini bertujuan meninjau hubungan antara amalan agama Islam yang terdiri daripada akidah, ibadah dan akhlak dengan gaya kepimpinan jurutera Muslim yang terdiri daripada gaya kepimpinan autokratik dan gaya kepimpinan demokratik di negeri Melaka. Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan dan borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Kebolehpercayaan instrumen kajian adalah pada nilai Alpha Cronbach (0.803). Seramai 340 orang jurutera Muslim berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan rawak mudah (*simple random sampling*). Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science 22.0* (SPSS 22.0). Analisa kajian menunjukkan bahawa tahap amalan agama Islam jurutera Muslim di negeri Melaka dalam tiga aspek yang dikaji iaitu akidah, ibadah dan akhlak adalah baik (100%). Manakala analisis terhadap gaya kepimpinan autokratik dan gaya kepimpinan demokratik menunjukkan bahawa gaya kepimpinan autokratik jurutera Muslim berada di tahap sederhana. Berbeza dengan tahap gaya kepimpinan demokratik ia berada di tahap yang tinggi. Berdasarkan Ujian Korelasi Pearson, hasil kajian menunjukkan bahawa akidah mempunyai hubungan yang signifikan dan korelasi yang sederhana dengan gaya kepimpinan autokratik ($r = -.366$, $p = .000$). Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara ibadah dengan gaya kepimpinan autokratik ($r = -.047$, $p = .388$). Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa akhlak mempunyai hubungan yang signifikan dan korelasi yang sederhana dengan gaya kepimpinan autokratik ($r = -.325$, $p = .000$). Kajian seterusnya menunjukkan bahawa akidah mempunyai hubungan yang signifikan dan korelasi yang sederhana dengan gaya kepimpinan demokratik ($r = .320$, $p = .000$). Hasil kajian menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara ibadah dengan gaya kepimpinan demokratik ($r = .067$, $p = .234$). Kajian juga menunjukkan akhlak mempunyai hubungan yang signifikan dan korelasi yang sederhana dengan gaya kepimpinan demokratik ($r = .301$, $p = .000$). Analisis regresi pelbagai (*stepwise*) pula menunjukkan bahawa amalan agama Islam jurutera Muslim menyumbang secara songsang sebanyak 19.8% terhadap gaya kepimpinan autokratik sementara sumbangan amalan agama Islam terhadap gaya kepimpinan demokratik ialah sebanyak 15.3%. Kajian ini juga menunjukkan bahawa gaya kepimpinan demokratik ($M=4.5550$) adalah lebih dominan diamalkan berbanding gaya kepimpinan autokratik ($M=2.7459$) dalam kalangan jurutera Muslim di negeri Melaka.

**RELATIONSHIP BETWEEN PRACTICES OF ISLAM AND
MUSLIM ENGINEERS' LEADERSHIP STYLE
IN THE STATE OF MALACCA**

ABSTRACT

At present, the practice of Islam among Muslim engineers is deemed essential because it can have an impact on their leadership style. Application of good leadership style can also contribute significantly to the development of a nation and its infrastructure. This study examines the relationship between religious practices of Islam and Muslim engineers' leadership style (autocratic and democratic leadership style) in the state of Malacca. This study is based on surveys and questionnaires. The reliabilities of the instrument were determined by means of Alpha Cronbach (0.803). A total of 340 Muslim engineer registered with the Board of Engineers Malaysia (BEM) is selected using purposive sampling (purposive sampling) and random sampling (simple random sampling) as the sample of studies. The data gathered were analyzed using SPSS Statistical Packages for Social Science 22.0 (SPSS 22.0). The analysis revealed that the level of Islamic practices among the Muslim engineers in the state of Malacca from the three aspects such as faith, worship and morality is good (100%). While the analysis of autocratic leadership style showed that Muslim engineers' autocratic leadership style was at the intermediate level. Unlike autocratic leadership style, the level of democratic leadership style was at a high level. Based on Pearson correlation test, the results showed that faith had a significant relationship in autocratic leadership style, but the correlation was in the moderate level ($r = -.366$, $p = .000$). The findings of this study also revealed that there was no significant relationship between worship with autocratic leadership style ($r = -.047$, $p = .388$). The findings also showed that the morality had a significant and moderate correlation with autocratic leadership style ($r = -.325$, $p = .000$). Faith, on the other hand, had a significant and moderate correlation with democratic leadership style ($r = .320$, $p = .000$). The results presented that there was no significant relationship between worship with democratic leadership style ($r = .067$, $p = .234$). The study indicated that a significant relationship with democratic leadership style but the correlation was at the moderate level ($r = .301$, $p = .000$). Multiple regression analysis (stepwise) showed that the practice of Islam by Muslim engineers inversely contributed 19.8% to the autocratic leadership style, while the contribution of Islamic religious practices of democratic leadership style was by 15.3%. This study also indicated that the democratic leadership style ($M = 4.5550$) was practiced more dominantly as compared to the autocratic leadership style ($M = 2.7459$) among Muslim engineers in Malacca.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
JADUAL TRANSLITERASI	x
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI ILUSTRASI	xxii
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Hipotesis Kajian	13
1.6 Metodologi Kajian	14
1.6.1 Jenis dan reka bentuk kajian	14
1.6.2 Lokasi kajian	17
1.6.3 Populasi kajian	18
1.6.4 Kaedah pemilihan sampel kajian	19
1.6.5 Kaedah pengumpulan data	20
1.6.6 Prosedur kajian	23
1.6.7 Kaedah penganalisan data kuantitatif	23
1.6.8 Penentuan skor item-item soal selidik	23
1.7 Kajian Rintis	27
1.7.1 Dapatan kajian rintis (demografi)	28
1.7.2 Kebolehpercayaan	32
1.8 Batasan Kajian	34
1.9 Tinjauan Literatur	35
1.9.1 Kajian literatur berkaitan amalan agama Islam	35

	1.9.2 Kajian literatur berkaitan gaya kepimpinan	45
1.10	Kerangka Kerja Konseptual	57
1.11	Signifikan Kajian	58
1.12	Definisi Operasi Kajian	59
	1.12.1 Amalan agama Islam	59
	1.12.2 Gaya kepimpinan	60
	1.12.3 Jurutera Muslim	61
1.13	Kesimpulan	62
BAB II	AMALAN AGAMA ISLAM	
2.1	Pengenalan	64
2.2	Amalan Agama Islam Umum	64
2.3	Amalan Agama Islam Jurutera Muslim	68
2.4	Peranan Amalan Agama Terhadap Individu Muslim	72
2.5	Dimensi Utama Amalan Agama Islam	72
	2.5.1 Dimensi akidah	73
	2.5.2 Dimensi ibadah	91
	2.5.3 Dimensi akhlak	103
2.6	Kesimpulan	113
BAB III	GAYA KEPIMPINAN JURUTERA MUSLIM	
3.1	Pengenalan	114
3.2	Definisi Kepimpinan	115
3.3	Gaya Kepimpinan Jurutera Muslim	118
	3.3.1 Definisi gaya kepimpinan	119
	3.3.2 Keupayaan gaya kepimpinan seseorang jurutera	121
	3.3.3 Kemahiran kepimpinan jurutera	122
	3.3.4 Teori berkaitan gaya kepimpinan autokratik dan demokratik	124
	3.3.5 Gaya kepimpinan autokratik dan demokratik menurut perspektif Islam	130
3.4	Teori-teori Gaya Kepimpinan	140
	3.4.1 Teori sifat	140
	3.4.2 Teori gelagat	141

	3.4.3 Teori kontingensi	145
3.5	Pendekatan Kepimpinan Terkini Kepimpinan Karismatik	154
	3.5.1 Teori kepimpinan karismatik	155
	3.5.2 Teori kepimpinan transformasi	156
3.6	Kesimpulan	157
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	158
4.2	Analisis Data Kuantitatif (Data Demografi)	158
	4.2.1 Latar belakang responden	158
	4.2.2 Analisis demografi responden kajian	159
4.3	Tahap Amalan Agama Islam dan Gaya Kepimpinan	162
	4.3.1 Tahap amalan agama Islam responden	162
	4.3.2 Tahap gaya kepimpinan responden	194
4.4	Hubungan Amalan Agama Islam Dengan Gaya Kepimpinan Dan Ujian Hipotesis	212
	4.4.1 Pengujian hipotesis 1	213
	4.4.2 Pengujian hipotesis 2	213
	4.4.3 Pengujian hipotesis 3	214
	4.4.4 Pengujian hipotesis 4	215
	4.4.5 Pengujian hipotesis 5	216
	4.4.6 Pengujian hipotesis 6	216
4.5	Sumbangan Amalan Agama Islam Terhadap Gaya Kepimpinan Dan Ujian Hipotesis	217
	4.5.1 Pengujian hipotesis 7	217
	4.5.2 Pengujian hipotesis 8	220
4.6	Gaya Kepimpinan Dominan	222
4.7	Kesimpulan	223
BAB V	PENUTUP	
5.1	Pengenalan	225
5.2	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian	226
	5.2.1 Amalan agama Islam jurutera Muslim	227

5.2.2	Gaya kepimpinan jurutera Muslim	233
5.2.3	Hubungan amalan agama Islam dengan gaya kepimpinan jurutera	235
5.2.4	Sumbangan amalan agama Islam terhadap gaya kepimpinan jurutera	244
5.2.5	Gaya kepimpinan dominan	247
5.3	Implikasi Kajian	249
5.4	Cadangan Hasil Kajian	252
5.4.1	Golongan jurutera Muslim	252
5.4.2	Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)	254
5.4.3	Para pendakwah	256
5.4.4	Pihak kerajaan	257
5.4.5	Pihak swasta	259
5.4.6	Masyarakat Islam	260
5.4.7	Kajian lanjutan	261
5.5	Kesimpulan	263
RUJUKAN		265
LAMPIRAN		
A	Soal Selidik Hubungan antara Amalan Agama Islam dengan Gaya Kepimpinan Jurutera Muslim di Negeri Melaka	281
B	Surat Rasmi kepada BEM Permohonan Mendapatkan Statistik Jurutera Melayu Muslim di Negeri Melaka	290
C	Salinan Jawapan Rasmi Pihak BEM Berkaitan Permohonan Statistik Jurutera Melayu Muslim di Negeri Melaka Melalui E-mel	291
D	Statistik Rasmi Bilangan Jurutera Muslim Berdaftar dengan BEM Tahun 2013 di Negeri Melaka	292
E	Surat Sokongan Menjalankan Kajian Lapangan daripada Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM	293

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	Badala
ت	t	تمر	Tamr
ث	th	ثورة	Thawrah
ج	j	جمال	Jamāl
ح	h	حديث	ḥadith
خ	kh	خلد	Khālid
د	d	ديوان	Dīwān
ذ	dh	مذهب	Madhhab
ر	r	رحمن	rahmān
ز	z	زمام	Zamzam
س	s	سراب	Sarāb
ش	sh	شمس	Shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضميّر	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظمر	ẓuhr
ع	c	عبد	ʿabd
غ	gh	غيب	Ghaib
ف	f	فقه	Fiqh
ق	q	قاضي	qāḍi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	Laban
م	m	مزمّار	Mizmār
ن	n	نوم	Nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣala
ي	y	يسار	Yasār

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ـَ	a	فَعَلَ	fa da
ـِ	i	حَسِبَ	Hasiba
ـُ	u	كُتِبَ	Kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ا , اِ , اِي	a	كاتب , قضى	katib, qada
ي	i	كريم	Karim
و	u	حروف	Huruf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
وْ	aw	قول	Qawl
يْ	ay	سيف	Sayf
ي	iy/i	رجعي	aj iy / raj ^c i
وْ	uww	عدو	aluww adu

Pengecualian

1. Huruf Arab ء(hamzah) pada awal perkataan di transliterasi kepada 'a' bukan kepada 'a. Contoh: أكبر, transliterasi: *akbar* bukan '*akbar*'.

2. Huruf Arab ة (*tā' marbutah*) pada perkataan tanpa ال (*al*) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada 't'. Contohnya: وزارة التعليم
 transliterasi: *ar at a -ta im*, bukannya *ar ah a -ta im*. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (*al*) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *tā' marbutah* ditransliterasikan kepada *h*.

Contoh**Transliterasi**

المكتبة الأهلية

Al-Maktabah al-Ahliyyah

قلعة

a l ah

دار وهبة

Dar wahbah

SENARAI SINGKATAN

ABET	<i>Accreditation Board for Engineering and Technology</i>
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AS	Alaihissalam
BEM	Lembaga Jurutera Malaysia (<i>Board of Engineers Malaysia</i>)
CTRM	<i>Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.</i>
FPI	Fakulti Pengajian Islam
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
ICT	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (<i>Information and Communications Technology</i>)
IEM	Institusi Jurutera Malaysia (<i>Institute of Engineers Malaysia</i>)
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IPI	<i>Islamic Practice Instrument</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LBDQ	<i>Leadership Behavior Descriptive Questionnaires</i>
LPC	<i>Least-Preferred Co-worker</i>
LSS	<i>Leadership Scale for Sport</i>
MIMOS	<i>Malaysian Institute of Microelectronic Systems</i>
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
NIOSH	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
OECD	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Dan Pembangunan
PORIM	<i>Palm Oil Research Institute of Malaysia</i>

PUO	Politeknik Ungku Omar
QMAT	<i>Questionnaire of Individual Differences in Achieving Tendency</i>
RA	Radiallahuanhu
SAW	Sallallahualaihiwasallam
SEM	<i>Structural Equation Model</i>
SIRIM	<i>Standards and Industrial Research Institute of Malaysia</i>
SPSS	<i>Statistical Package of Sosial Science</i>
SWT	Subhanahuwataala
TM	Syarikat Telekom Malaysia Berhad
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UIN	Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
YADIM	Yayasan Dakwah Islam Malaysia

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.1	Statistik Pendaftaran Jurutera Muslim Negeri Melaka Mengikut Kategori Pendaftaran dan Bidang Kejuruteraan	18
1.2	Skala Likert 5 Pemeringkatan	21
1.3	Bahagian B: Item, Nombor dan Bilangan Soalan	22
1.4	Bahagian C: Nombor Item Mengikut Jenis Gaya Kepimpinan	22
1.5	Tafsiran Skor Akidah	24
1.6	Tafsiran Skor Ibadah	24
1.7	Tafsiran Skor Akhlak	25
1.8	Tafsiran Skor Keseluruhan Amalan Agama Islam	25
1.9	Penentuan Tahap Amalan Agama Islam	26
1.10	Tafsiran Skor Gaya Kepimpinan Autokratik	26
1.11	Tafsiran Skor Gaya Kepimpinan Demokratik	27
1.12	Bahagian Soalan, Jenis dan Bilangan Item Soalan Kajian Rintis	28
1.13	Frekuensi Jantina	29
1.14	Frekuensi Status Perkahwinan	29
1.15	Frekuensi Umur	30
1.16	Frekuensi Kelayakan Akademik	30
1.17	Frekuensi Jurutera Berdaftar	31
1.18	Frekuensi Sektor Perkhidmatan	31
1.19	Frekuensi Tempoh Perkhidmatan	32
1.20	Statistik Kebolehpercayaan	32
1.21	Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	33
1.22	Peratusan Kebagusan (<i>a rule of thumb</i>) Nilai Alpha Cronbach	34

3.1	Teori Situasi Hesrey-Blannchard	149
3.2	Cadangan Tindakan Mengikuti Suasana, Model Kepimpinan Situasi Hersey dan Blanchard	151
3.3	Model Vroom	154
4.1	Frekuensi Jantina Jurutera Muslim	159
4.2	Frekuensi Status Perkahwinan Jurutera Muslim	159
4.3	Frekuensi Umur Jurutera Muslim	160
4.4	Frekuensi Pendidikan Jurutera Muslim	160
4.5	Frekuensi Jurutera Muslim Berdaftar	161
4.6	Frekuensi Sektor Perkhidmatan Jurutera Muslim	161
4.7	Frekuensi Tempoh Perkhidmatan Jurutera Muslim	162
4.8	Saya Mengakui Kewujudan Allah SWT dalam Rutin Harian Saya Sebagai Jurutera	163
4.9	Saya boleh Mengucap Dua Kalimah Syahadah	163
4.10	Saya Ada Perasaan Takut Untuk Melakukan Perkara yang Dilarang Allah	163
4.11	Apabila dalam Kesusahan Saya akan Segera Berdoa kepada Allah SWT	164
4.12	Saya Sentiasa Berhati-hati Kerana Malaikat akan Mencatat Setiap Amalan Saya	164
4.13	Saya Menjadikan Nabi Muhammad SAW Sebagai <i>Role Model</i> dalam Kehidupan Saya	165
4.14	Membaca Kisah Sejarah Nabi Muhammad SAW akan Menambahkan Rasa Cinta Saya kepada Baginda	165
4.15	Membaca Al-Quran Dapat Memberikan Ketenangan kepada Jiwa Saya	166
4.16	Saya Sentiasa Mengharapkan Rahmat Allah SWT	166
4.17	Saya Sentiasa Berusaha Untuk Mendapatkan Kejayaan	167
4.18	Saya Sentiasa Berwaspada daripada Melakukan Perkara yang	

	Bertentangan dengan Syarak	167
4.19	Saya Sentiasa Memohon kepada Allah SWT Agar Mengampunkan Segala Dosa Saya	167
4.20	Saya Berpuasa di Bulan Ramadan Kerana Saya Yakin Berdosa Jika Meninggalkannya	168
4.21	Saya Merasa Tenang Apabila Dapat Menunaikan Solat Fardu	169
4.22	Amalan Akidah Responden	169
4.23	Taburan Tahap Amalan Akidah Responden	171
4.24	Saya Sentiasa Menunaikan Solat Fardu Lima Waktu Setiap Hari	172
4.25	Saya Sentiasa Menjaga Solat Lima Waktu di Mana Sahaja Saya Berada	172
4.26	Saya Mengerjakan Solat Fardu di Awal Waktu	173
4.27	Saya Tidak akan Meninggalkan Solat Fardu Apabila Kesuntukan Waktu Untuk Menghadiri Mesyuarat	173
4.28	Saya Berpuasa di Bulan Ramadan	174
4.29	Saya Tidak Pernah Ponteng atau Meninggalkan Puasa Ramadan Tanpa Keuzuran	174
4.30	Saya akan Memastikan Zakat Fitrah Saya Dibayar	175
4.31	Saya akan Mandi Wajib Bila Keluar Tanda-tanda Hadas Besar	175
4.32	Saya akan Berdoa kepada Allah SWT Setiap Kali Selepas Solat	176
4.33	Saya Selalu Melakukan Perkara-perkara Sunat yang Boleh Memberi Pahala kepada Saya (Contoh: Solat dan Puasa Sunat, Sedekah, Zikir, Membaca Al-Quran dll.)	176
4.34	Saya Sentiasa Memastikan Makanan yang Saya Makan Adalah Halal	177
4.35	Saya Sentiasa Menutup Aurat Sebagaimana yang Diwajibkan di Mana Sahaja Saya Berada	177
4.36	Saya Tidak Suka Melihat Rancangan Televisyen yang Mendedahkan Aurat	178

4.37	Saya akan Membaca ‘Bismillah’ Sebelum Saya Makan	178
4.38	Saya Berusaha untuk Mendalami Hukum-hukum Islam dengan Lebih Baik	179
4.39	Taburan Responden Berdasarkan Komponen Ibadah	180
4.40	Taburan Tahap Amalan Ibadah Responden	182
4.41	Saya Mencari Keredaan Allah SWT dengan Berbuat Baik Sesama Manusia	182
4.42	Apabila Saya Mendengar Seseorang Berselawat ke atas Nabi, Saya akan Segera Menjawab Selawat Tersebut	183
4.43	Saya Sentiasa Menjaga Tutur Kata Bila Berbicara dengan Ibu Bapa Saya	183
4.44	Saya Sentiasa Mengucap Salam Apabila Bertemu dengan Sahabat-sahabat Seagama Saya	184
4.45	Saya akan Segera Membantu Orang yang dalam Kesusahan	184
4.46	Saya Sentiasa Menjaga Tingkah Laku Saya Agar Tidak Menyinggung Perasaan Orang Lain	185
4.47	Saya Berlapang Dada Menerima Teguran Orang Lain yang Membetulkan Kesalahan Saya	185
4.48	Saya Tidak Mudah Marah Apabila Berhadapan dengan Situasi yang Tidak Menyenangkan	186
4.49	Saya Suka Penampilan yang Sopan	186
4.50	Apabila Saya Memberi atau Membantu Seseorang Saya Tidak Mengharapkan Sebarang Balasan	187
4.51	Saya Tidak akan Mengambil Barang Kepunyaan Orang Lain Tanpa Meminta Kebenaran Terlebih Dahulu	187
4.52	Saya Tidak Suka Bergaul Bebas Lelaki dan Perempuan di Tempat Kerja Tanpa Batasan Syarak	188
4.53	Jika Kawan Saya Meminjam Wang daripada Saya, Adalah Tidak Wajar Saya Meminta Beliau Memulangkan Balik Lebih daripada Jumlah Wang yang Dipinjam	188
4.54	Saya akan Segera Meminta Maaf Sekiranya Saya Melakukan Kesalahan	189

4.55	Saya Sentiasa Berkata Benar	189
4.56	Taburan Responden Berdasarkan Komponen Akhlak	190
4.57	Taburan Tahap Amalan Akhlak Responden	192
4.58	Taburan Tahap Amalan Agama Islam Keseluruhan	193
4.59	Taburan Min Berdasarkan Komponen Amalan Agama Islam	193
4.60	Saya Sentiasa Memastikan Kuasa untuk Membuat Keputusan Muktamad Adalah Hak Mutlak Jabatan Saya atau Pasukan Saya	195
4.61	Saya Tidak Mempertimbangkan atau Mengambil Kira Cadangan yang Dibuat oleh Pekerja-pekerja Kerana Saya Tidak Merasa Ia Penting atau Bernilai	196
4.62	Saya Mengarahkan Pekerja Saya Apa yang Perlu Dilakukan dan Cara Untuk Melakukannya	196
4.63	Apabila Seseorang Membuat Kesilapan, Saya Memberi Amaran Keras Agar Mereka Tidak Mengulangi dan Saya akan Mengawasinya	197
4.64	Pekerja Baru Tidak Dibenarkan untuk Membuat Apa-apa Keputusan Melainkan Jika Ia Telah Diluluskan oleh Saya	198
4.65	Saya Mengarahkan Pekerja-pekerja Mengikut Undang-undang dan Peraturan yang Telah Ditetapkan	198
4.66	Saya Sanggup Memberikan Tekanan bagi Meningkatkan Pengeluaran	199
4.67	Saya Mendesak Pekerja-pekerja Saya Supaya Bekerja Lebih Keras	200
4.68	Sayalah yang Membuat Keputusan Tentang Apa yang Bakal Dilakukan dan Bagaimana Ia patut Dilakukan	200
4.69	Saya Memaksa Pekerja-pekerja Saya untuk Berusaha dengan Lebih Kuat Lagi	201
4.70	Taburan Responden Berdasarkan Komponen Gaya Kepimpinan Autokratik	202
4.71	Taburan Skor Gaya Kepimpinan Autokratik	203
4.72	Pekerja Saya dan Saya Selalu Berunding (Berbincang) Setiap Kali Sesuatu Keputusan Penting Perlu Dibuat	204

4.73	Saya Sentiasa Memberikan Pujian Ikhlas dan Kritikan Membina kepada Para Pekerja Saya	205
4.74	Apabila Sesuatu Perkara atau Proses Berjalan Mengikut Jadual, Saya akan Mengadakan Mesyuarat untuk Mendapatkan Pandangan Orang Bawahan Saya	205
4.75	Saya Membenarkan Pekerja Saya untuk Menentukan Apa Tugas yang Perlu Dilakukan dan Cara untuk Melakukannya	206
4.76	Ada Kalanya Pekerja Saya Lebih Tahu Tentang Kerja Mereka Berbanding Saya, Jadi Saya Membenarkan Mereka Membuat Keputusan untuk Melaksanakan Kerja	207
4.77	Saya Memberikan Sedikit Kebebasan kepada Pekerja-pekerja dalam Tugas mereka	207
4.78	Saya boleh Bertoleransi Jika Ada Penangguhan dan Ketidakpastian	208
4.79	Saya Telah Memberikan Bimbingan Teknik dan Tunjuk Ajar Kepada para Pekerja Saya	208
4.80	Saya Sentiasa Memastikan Kumpulan Saya Bekerjasama Sebagai Satu Pasukan	209
4.81	Saya akan Menunggu Sehingga Tiba Masa yang Sesuai Sebelum Mengambil Sebarang Tindakan	210
4.82	Taburan Responden Berdasarkan Gaya Kepimpinan Demokratik	210
4.83	Taburan Skor Gaya Kepimpinan Demokratik	212
4.84	Keputusan Ujian Korelasi Pearson di antara Amalan Agama Islam (Akidah) dengan Gaya Kepimpinan Autokratik	213
4.85	Keputusan Ujian Korelasi Pearson di antara Amalan Agama Islam (Ibadah) dengan Gaya Kepimpinan Autokratik	214
4.86	Keputusan Ujian Korelasi Pearson di antara Amalan Agama Islam (Akhlak) dengan Gaya Kepimpinan Autokratik	215
4.87	Keputusan Ujian Korelasi Pearson di antara Amalan Agama Islam (Akidah) dengan Gaya Kepimpinan Demokratik	215
4.88	Keputusan Ujian Korelasi Pearson di antara Amalan Agama Islam (Ibadah) dengan Gaya Kepimpinan Demokratik	216

4.89	Keputusan Ujian Korelasi Pearson di antara Amalan Agama Islam (Akhlahk) dengan Gaya Kepimpinan Demokratik	217
4.90	<i>Model Summary</i> Amalan Agama Islam dengan Gaya Kepimpinan Autokratik	218
4.91	Analisis <i>Coefficients^a</i> Amalan Agama Islam (akidah, Ibadah dan Akhlak) dengan Gaya Kepimpinan Autokratik	219
4.92	<i>Model Summary</i> Amalan Agama Islam dengan Gaya Kepimpinan Demokratik	220
4.93	Analisis <i>Coefficients^a</i> Amalan Agama Islam (akidah, Ibadah dan Akhlak) dengan Gaya Kepimpinan Demokratik	221
4.94	<i>Descriptive Statistics</i> Taburan Min Berdasarkan Komponen Gaya Kepimpinan	222
5.1	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Hubungan Amalan Agama Islam dengan Gaya Kepimpinan	236
5.2	Keputusan Ujian Regresi Pelbagai Sumbangan Amalan Agama Islam terhadap Gaya Kepimpinan	244

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Kerja Model Hubungan antara Amalan Agama Islam dengan Gaya Kepimpinan Jurutera Muslim di Negeri Melaka	58
3.1	Grid Pengurusan	144
3.2	Model Kepimpinan Situasi Hersey dan Blanchard	150
4.1	Taburan Min Amalan Agama Islam	194
4.2	Taburan Min Berdasarkan Komponen Gaya Kepimpinan	223

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Islam adalah agama yang lengkap dan syumul meliputi pelbagai cabang kehidupan manusia. Islam agama yang agung, tinggi dan mulia menekankan kepada penganutnya agar menjelmakan Islam melalui amalan yang baik dalam semua perkara. Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, amalan agama lazimnya dirujuk sebagai pelaksanaan dan pengamalan agama seseorang Muslim dalam kehidupannya. Tanpa amalan agama Islam, individu Muslim itu hidup tidak bermakna ibarat pokok yang tumbuh subur tanpa berbuah. Betapa pentingnya amalan agama Islam kerana dengannya dapat mencorakkan keperibadian hidup manusia dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk kepimpinan, pengurusan, pentadbiran dan lain-lain.

Hal ini bertepatan dengan pandangan Mohd Sabri et al. (2009: 30) yang menjelaskan kebanyakan orang menganggap remeh dalam melaksanakan amalan agama. Sedangkan amalan agama sangat penting dalam pembinaan peribadi mulia. Amalan agama Islam dapat mempengaruhi seseorang individu itu patuh dan akur dengan tuntutan agama maka hasilnya perlakuan dan tindakan seseorang akan terbimbing penuh kemuliaan. Pandangan ini seiring dengan pernyataan Muhamad Hamid (1990: 70) telah mengatakan bahawa matlamat utama amalan agama Islam yang terhasil melalui pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang baik dan beriman. Hasilnya mereka akan menerajui corak kehidupan yang sejahtera dan berjaya di atas muka bumi ini serta mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan di akhirat nanti. Amalan agama yang baik menjadikan seseorang itu mempunyai daya kepimpinan

mulia, berhemah tinggi, bertingkah laku mulia, bertimbang rasa, menjaga tutur kata, berperikemanusiaan dan lain-lain.

Oleh sebab itu, matlamat kajian ini adalah untuk meninjau amalan agama Islam dan hubungannya dengan gaya kepimpinan jurutera Muslim di negeri Melaka. Negeri Melaka dipilih dalam kajian ini bertepatan dengan statusnya yang telah diisytiharkan sebagai negeri maju pada tahun 2010 oleh Perdana Menteri Malaysia sebagaimana dilaporkan dalam Portal Pusat Maklumat Rakyat (Anon, 2010: 1). Manakala jurutera Muslim dipilih dalam kajian ini kerana mereka adalah sebahagian daripada golongan profesional yang berperanan besar dalam membangun dan memajukan negeri Melaka tanpa menafikan peranan lain-lain pihak sehingga negeri Melaka dianugerahkan status negeri maju pada tahun 2010.

Justeru, Bab I ini merupakan Bab “Pendahuluan” kepada kajian yang bertajuk hubungan amalan agama Islam dengan gaya kepimpinan jurutera Muslim di negeri Melaka. Kepentingan Bab I ini adalah disebabkan ia mengupas isu yang menjadi persoalan dan objektif dalam kajian ini. Selain itu, Bab I ini dapat menunjukkan secara teorinya bagaimana amalan agama Islam mempunyai hubungan dengan gaya kepimpinan jurutera Muslim di negeri Melaka. Oleh yang demikian, Bab I ini memulakan perbincangan dengan mengemukakan isu yang berkaitan amalan agama Islam dan hubungannya dengan gaya kepimpinan jurutera Muslim dalam bahagian pernyataan masalah. Selepas itu, dalam Bab I ini membincangkan persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, metodologi kajian, kajian rintis, batasan kajian, tinjauan literatur, kerangka kerja teori hubungan amalan agama Islam dengan gaya kepimpinan, signifikan kajian dan definisi operasi kajian.

1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Bidang kejuruteraan amat penting dalam memacu kemajuan sesebuah negara. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor menyatakan dalam Berita Harian (2012), negara memerlukan lagi seramai 17,000 jurutera bagi mengimbangi nisbah keperluan Malaysia sebagai sebuah negara membangun sebelum mencapai status negara maju pada tahun 2020. Sehingga kini negara hanya mempunyai 65,000 jurutera